

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

20. Apakah rancangan pembangunan belia dan sukan di Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan aktiviti yang dirancangkan..

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

20.

20. Kerajaan Negeri telah menyediakan pelan tindakan pembangunan belia dan sukan melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan. Antaranya:

1. Menyediakan medium untuk perbincangan dan pertimbangan pelbagai isu yang berkaitan dengan masa hadapan belia dan sukan di Pulau Pinang;
2. Menyampaikan pelbagai pertimbangan yang berkaitan isu belia dan sukan kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan asas pembentukan dan pelaksanaan strategi bagi belia dan sukan;
3. Mengenal pasti bidang belia dan sukan yang memerlukan intervensi Kerajaan Negeri;
4. Memaklumkan kepada Kerajaan Negeri mengenai cadangan dan idea serta garis panduan untuk pembangunan institusi, program dan projek belia dan sukan; dan

5. Mencadangkan tindakan, program dan projek spesifik untuk dilaksanakan dalam bidang belia dan sukan.

Golongan belia merupakan sumber terbesar dalam negara dan mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara secara amnya dan Negeri Pulau Pinang secara khususnya. Bagi mewujudkan belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhlah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan berdasarkan 3 sektor utama, iaitu:

1. Pendidikan dan Kerjaya

1. Kursus Kemahiran Asas VSEP dengan AES;
2. Kelas Bimbingan Komuniti Cambridge English di Balik Pulau;
3. Kelas Bahasa Inggeris di Bayan Lepas;
4. SteamX Program Pertukaran Pelajar Malaysia-Thailand;
5. Bengkel "Jom Cari Kerja";
6. Pembelajaran Sains, English, Matematik, Kejuruteraan

Dan Teknologi (ESTEEM); dan

7. Kempen Kesedaran Sains – Eksperimen Ketulenan Air Scala Mikro.

2. Kepimpinan dan Bakat

1. Sidang Muda;
2. Pinang Fiesta;
3. Perjumpaan Mahasiswa-Mahasiswi Negeri Pulau Pinang di Unversiti dalam dan luar negeri;
4. Jejak Muda;
5. Kejohanan Sepak Takraw Piala PYDC;
6. Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC;
7. Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang;
8. Pertandingan Mencipta Lagu 2018;
9. Jom Jadi Tutor Komuniti PYDC;

10. *Hop A Bus Campaign: Smart Photography Contest*; dan
11. TEDx Penang Road

3. Kesedaran Sivik dan Demokrasi

1. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang
2. Bengkel Demokrat Muda

3. Menerima Lawatan Belia ke Pulau Pinang

(Penang Youth Visit)

4. Forum Bandar Pintar Mahasiswa dan Belia 2018
5. *Penang Free Shuttle Bus (CAT) Research*); dan
6. Soal Selidik Remaja & Kanak-kanak

Kerajaan Negeri juga berusaha menggiatkan sukan untuk kehidupan yang aktif dan memupuk perpaduan. Dalam usaha menggalakkan penyertaan dalam sukan massa di semua peringkat masyarakat untuk membudayakan sukan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan 1 KADUN 1 GELANGGANG FUTSAL bagi menggalakkan komuniti mengamalkan cara hidup yang sihat.

Kerajaan Negeri juga berusaha membangunkan atlet berprestasi tinggi untuk mencapai reputasi global. Antara usaha yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi adalah seperti berikut:-

1. Melantik Jurulatih Sepenuh Masa dan Jurulatih Sambilan yang bertauliah dan berwibawa;
2. Penyaluran bantuan peruntukan kepada semua Persatuan Sukan Negeri untuk menyertai pertandingan dalam dan luar negeri;
3. Penyaluran bantuan peruntukan kepada Persatuan Sukan Negeri dalam perolehan peralatan latihan dan pertandingan

sukan yang disertai;

(iv) Penganjuran kursus pengadilan, teknikal sukan dan kejurulatihan kepada semua persatuan sukan;

5. Bantuan sewaan kemudahan latihan kepada semua persatuan sukan,

6. Bayaran elaun latihan bulanan kepada atlet;

7. Menganjurkan kursus berkaitan Sains Sukan untuk meningkatkan tahap Jurulatih;

8. Menyediakan kemudahan pusat rawatan kepada atlet;

9. Menyediakan kemudahan gimnasium untuk latihan kekuatan dan kecergasan atlet; dan

10. Menyediakan khidmat nasihat Sains Sukan dari Institut Sukan Negara dari segi pemakanan sukan, psikologi, kecergasan dan sebagainya.

11. Selain itu, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan juga menyumbangkan peruntukan kepada persatuan-persatuan belia dan sukan bagi penganjuran aktiviti-aktiviti belia dan sukan di Pulau Pinang dalam memupuk kehidupan yang

sihat.